

Malaysia dijangka capai jalur lebar berkelajuan tinggi dalam tempoh 3 tahun
Malaysian Insider
Nov 5, 2015

Malaysia dijangka dapat mencapai penembusan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) sepenuhnya dalam tempoh 3 tahun lagi, kata Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Jailani Johari.

Beliau berkata setakat ini, program HSBB yang dilaksanakan menembusi 31% isi rumah seluruh negara dan pelaksanaan HSBB Fasa 2 dan program jalur lebar pinggir bandar yang sedang dilaksanakan juga bakal memperluas penembusan perkhidmatan tersebut.

"Dalam 3 tahun, kami akan dapat meningkatkan kadar bandwidth daripada 20% kepada 100%, daripada 4 atau 5 megabit sesaat kepada 20 megabit sesaat," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan 2016 bagi Kementerian itu di Dewan Rakyat, malam tadi.

Beliau berkata 400 menara telekomunikasi dibina di seluruh negara tahun ini dalam usaha berterusan kerajaan untuk meningkatkan kualiti telekomunikasi selular.

Sebanyak 600 lagi menara telekomunikasi dijadualkan dibina secara berperingkat sehingga 2017, katanya.

Dalam perkembangan lain, Jailani berkata setakat ini 1,263 laman sesawang disekat kerana melanggar pelbagai peraturan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia.

Katanya, kementerian itu juga memperkukuh kerjasama dengan agensi penguat kuasa yang lain dalam usaha pencegahan penggunaan media sosial sebagai platform untuk menyebarkan maklumat berbau fitnah, lucah, ataupun berunsur perkauman dan mengganggu sensitiviti agama.

"Sebagai contoh, jika penyebaran maklumat itu melibatkan hasutan, maka Akta Hasutan akan digunakan polis dalam penyiasatan dengan bantuan teknikal daripada SKMM (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia)," katanya. – Bernama, 5 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/malaysia-dijangka-capai-jalur-lebar-berkelajuan-tinggi-dalam-tempoh-3-tahun>